

Tumpuan bersasar kepada sembilan industri terjejas akibat pandemik COVID-19

# 4 teras Dasar bakal jamin kejayaan DaKoM 2030



BANGI - Dasar Koperasi Negara 2011-2020 kini digantikan dengan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dengan rangka empat teras Dasar. DaKoM 2030 memberikan permulaan abad baharu bagi sektor koperasi negara di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Dengan objektif untuk memacu sektor koperasi sebagai pemangkin teras dalam transformasi sosio ekonomi negara, DaKoM 2030 dilihat selaras dengan Dasar Keusahawan Negara 2030 (DEB 2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12).

Sejak 100 tahun lalu, sektor koperasi telah mula beroperasi di tanah air. Pelbagai cabaran telah dilalui termasuk isu dalaman seperti pengurusan kurang cekap, kerjasama terhad dan persepsi kelemahan pasaran. Namun hal ini cuba ditambah baik dari semasa ke semasa. Kewujudan DaKoM 2030 melambangkan kesungguhan pihak pengurusan koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, "DaKoM 2030 memperkenalkan empat teras Dasar ini bertujuan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan koperasi produktif dan bertenaga serta meletakkan model koperasi sebagai model perniagaan pilihan. Empat teras Dasar akan dilaksanakan secara berurutan dengan keutamaan yang difokuskan kepada ekosistem sokongan untuk koperasi, diikuti dengan pembangunan berfokuskan koperasi dan memupuk sektor yang kukuh."

**Empat teras Dasar DaKoM 2030 adalah seperti berikut:**

- Transformasi sokongan koperasi untuk ekosistem yang lebih kondusif dan holistik
- Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sektor koperasi
- Meningkatkan kebolehan dan keupayaan
- Memajukan sektor sebagai saluran sosioekonomi utama



GIMIK peluncuran DaKoM 2030 disempurnakan oleh Menteri KUSKOP, Datuk Ewon Benedick (dua dari kiri).



EWON Benedick berucap di Majlis Peluncuran DaKoM 2030 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi.

"Matlamat kami adalah untuk memastikan sektor koperasi menjadi pemangkin kepada transformasi sosio-ekonomi negara menjelang tahun 2030. Kejayaan dasar ini amat bergantung kepada komitmen semua agensi pelaksana dan koperasi sendiri," katanya.

## MANFAAT

Semestinya DaKoM 2030 memberikan banyak manfaat kepada anggota koperasi itu sendiri. Antaranya adalah membentuk minda berpusatkan koperasi, memupuk kesedaran alam sekitar, sosial dan tadbir urus berkesan (ESG), membangunkan golongan belia sebagai pemimpin koperasi, meningkatkan pengetahuan koperasi melalui penguatan

peranan koperasi federasi dan meningkatkan pertumbuhan industri utama koperasi.

"Pihak koperasi juga dapat dimajukan ke era digital dan mengukuhkan kesiapsiagaan serta pengurusan krisis koperasi. Malah saya mengalu-alukan koperasi tempatan membina perkongsian dengan koperasi terkemuka di peringkat global," tambah beliau.

Terdapat sembilan industri yang menjadi fokus utama melalui DaKoM 2030 iaitu pertanian, perkhidmatan perniagaan, pengguna dan runcit, perkhidmatan kewangan, makanan dan minuman, penjagaan kesihatan, hospitaliti serta pembuatan dan pengangkutan. Pun begitu, koperasi dalam industri lain juga akan diberikan sokongan yang sama untuk berkembang dan menyumbang kepada pembangunan sektor tersebut.

"Bagi memastikan transformasi yang disasarkan dan berkesan bagi sektor koperasi di bawah DaKoM 2030, sembilan industri telah dipilih dan akan bertindak sebagai pemacu utama sektor koperasi. Industri dipilih berdasarkan potensi industri, dilihat kepada saiznya, potensi pertumbuhan, potensi penciptaan pekerjaan dan sinergi dengan trend global. Selain itu, juga dilihat dari segi kesesuaian industri yang dilihat kepada kesesuaian industri dalam memacu dan memenuhi pembangunan," katanya.

Menurut Ewon, pasca pandemik adalah waktu pemulihan bagi kebanyakan perniagaan. Justeru DaKoM 2030 disasarkan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam industri bagi perniagaan

yang kebanyakannya terjejas akibat wabak COVID-19. Dasar baharu ini dijangka membawa manfaat cukup besar kepada anggota koperasi secara keseluruhan.

## PANTAUAN

Dasar ini juga menetapkan tiga keperluan berbentuk Penunjuk Utama Prestasi (KPI) yang perlu dicapai iaitu pencapaian RM60 bilion perolehan sektor koperasi pada tahun 2025 dan RM73 bilion pada tahun 2030. Kedua, perlu mencapai 62 peratus koperasi aktif pada tahun 2025 dan 65 peratus koperasi aktif pada tahun 2030. KPI ketiga adalah perlu mencapai 75 peratus skor Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKa) iaitu petunjuk yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi. Pada tahun 2030 pula perlu mencapai 80 peratus skor IndeKa.

Tugas Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan adalah untuk memberi panduan secara menyeluruh terhadap pelaksanaan DaKoM 2030 khususnya yang berkaitan dengan dasar. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KUSKOP dan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha yang bertanggungjawab untuk pembangunan dasar koperasi.

Penyelaras yang terdiri daripada pegawai kementerian akan menyediakan sokongan pentadbiran dan logistik kepada jawatankuasa tersebut. Mereka akan menyemak dan mengesahkan laporan kemajuan yang disediakan setiap suku tahun mengenai pencapaian KPI dan sasaran yang ditetapkan di bawah dasar tersebut.

Selain itu, terdapat juga wakil industri dalam jawatankuasa yang akan memberikan pandangan dan kepakaran dalam industri. Anggota jawatankuasa terdiri daripada Bahagian Dasar Kementerian, Bahagian Pembangunan Koperasi Kementerian, wakil SKM, Wakil Institut Koperasi Malaysia (IKMa), wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan wakil pihak dalam industri misalnya federasi koperasi.

Peluncuran DaKoM 2030 pada 12 Oktober 2023 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi dan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick.